

Penuntut USIM muncul juara musabqah

Oleh Fadzlena Jafar
fadzlena@bh.com.my

↳ Kuala Lumpur

Penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Husaini Mahmud muncul johan qari Pertandingan Musabqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara dengan membawa pulang wang tunai RM15,112 (BND5,000) beserta hadiah iringan dan sijil penyertaan.

Pertandingan kali ketujuh yang berlangsung di Brunei itu turut menyaksikan seorang lagi wakil Malaysia, Awatif Abd Majid meraih tempat ketiga kategori qariah, menerima wang tunai RM9,062 (BND3,000), hadiah iringan beserta sijil penyertaan.

Naib johan kategori qari dimenangi peserta Filipi-

na, Kamaruddin Gunda Zaidon dengan membawa pulang wang tunai RM12,082 (BND4,000), hadiah iringan dan sijil penyertaan.

Tempat ketiga pula dimenangi qari Brunei, Awangku Adi Nazri Pengiran Haji Jofri. Bagi kategori qariah, peserta Filipina, Raihana Guamlod Ambangala muncul johan qariah, manakala peserta Indonesia, Munawaroh Tarmizi Ilyas di tempat kedua.

Mohamad Husaini berkata, kemenangan itu meningkatkan keyakinan beliau untuk terus mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.

Hargai kepercayaan

"Saya bersyukur dengan kemenangan ini kerana kali pertama qari Malaysia memenangi pertandingan berkenaan. Sebelum ini, wakil Malaysia pernah memenangi kategori qariah iaitu



SAYA BERSYUKUR DENGAN KEMENANGAN INI KERANA KALI PERTAMA QARI MALAYSIA MEMENANGI PERTANDINGAN BERKENAAN. SEBELUM INI, WAKIL MALAYSIA PERNAH MEMENANGI KATEGORI QARIAH PADA TAHUN 2011"

Muhammad Husaini, Penuntut Universiti Sains Islam

pada tahun 2011.

"Kepercayaan yang diberikan amat saya hargai dan saya berharap terus diberi kepercayaan untuk mewakili negara dalam pertandingan seumpama ini," katanya ketika dihubungi BH.

Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkhiah ber-

kenan menyampaikan hadiah kepada pemenang dan menyempurnakan majlis penutupan pertandingan Musabqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara.

Yang turut mencemar duli ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota



Mohamad Husaini dan Awatif bersama-sama hadiah yang dimenangi.

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pertandingan tiga hari itu membabitkan penyer-taan 19 peserta dari sem-

bilan negara, iaitu Brunei, Malaysia, Indonesia, Filipina, Kemboja, Laos, Vietnam, Myanmar, Singapura dan Thailand.